

# AXCEL ECONAZOLE CREAM

Econazole Nitrate (1%w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Econazole Cream.
2. Bagaimana Axcel Econazole Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Econazole Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Econazole Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Econazole Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Econazole Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Econazole Cream

Axcel Econazole Cream digunakan bagi merawat kandidiasis kutaneus (jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat *Candida*), *tinea corporis* (kurap badan), *tinea cruris* (kurap pangkal paha), *tinea pedis* (kurap kaki) dan *tinea versicolor* (jangkitan panau yang menyebabkan tompok kecil kulit menjadi bersisik dan berubah warna).

## Bagaimana Axcel Econazole Cream berfungsi

Econazole nitrate merupakan antikulat spektrum luas.

## Sebelum menggunakan Axcel Econazole Cream

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada bahan aktif dalam produk ini.
- Jika ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah untuk anda.

### Sebelum menggunakan Axcel Econazole Cream

Maklumkan kepada doktor jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

- Sila berbincang dengan doctor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Axcel Econazole Cream

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan luar sahaja. Secara topikal pada kulit. Sapu 2 kali sehari, pagi dan petang.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu menggunakan Axcel Econazole Cream, bergantung kepada keadaan anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa yang ditetapkan. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda-tanda keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Econazole Cream

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Econazole Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Axcel Econazole Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan terkena krim ini pada mata.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Econazole Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan telah dilaporkan:

- Kadang kala iritasi setempat berlaku yang ditunjukkan oleh kemerahan, rasa pedih atau disengat dan gatal-gatal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

# AXCEL ECONAZOLE CREAM

Econazole Nitrate (1%w/w)

---

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **Axcel Econazole Cream**

#### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Econazole Cream daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan di suhu bawah 25°C.

Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

#### Pelupusan

Jangan guna Axcel Econazole Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Axcel Econazole Cream adalah krim berwarna putih dan larut air.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Econazole Nitrate

Bahan Tidak Aktif:

Dehydag Wax "0", Cremophor A6, Cremophor A25, Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Chlorocresol, Sodium Dihydrogen Phosphate dan Purified Water.

### Nombor MAL

MAL19900317A

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn. Bhd.

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

29/07/2015

## **Nombor siri**

BPFK(R4/1)280715/00228